

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL (BUKIT GANTANG)**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan kesediaan dan komitmen Kementerian dalam membangunkan infrastruktur sukan seperti stadium mini dan asrama di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Johan di bawah Mukim Trong berikutan keperluan infrastruktur tersebut yang sangat mendesak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited bagi memastikan sekolah mempunyai kemudahan infrastruktur yang bersesuaian dan berada dalam keadaan selamat untuk digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan garis panduan pembinaan bangunan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), pembinaan kemudahan infrastruktur seperti stadium mini adalah tidak termasuk dalam brif projek bagi pembinaan sesebuah sekolah. Dalam konteks penyediaan infrastruktur sukan di SMK Toh Johan, KPM mendapati kemudahan sedia ada di sekolah tersebut mencukupi untuk membangunkan potensi murid dalam aspek sukan.

Bagi cadangan pembinaan kemudahan asrama di SMK Toh Johan, KPM mendapati tiada keperluan mendesak pada masa ini memandangkan sekolah berkenaan tidak menjalankan program kecemerlangan sukan seperti mana di Sekolah Sukan Malaysia atau Sekolah Sukan Negeri yang menetapkan atlet murid di sekolah berkenaan menginap di asrama sepenuhnya.